

19/03/1997

Negeri diarah kaji syarat pelaburan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan negeri sudah diarah mengkaji syarat serta peraturan berkaitan pelaburan bagi memastikan ia selaras dengan apa yang ditetapkan Kerajaan Pusat.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata langkah itu juga bertujuan supaya syarat tambahan yang dikenakan tidak menghalang pelabur dan menambah kos mereka untuk beroperasi di Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu mengkaji semula sebahagian daripada syarat dan peraturan tambahan yang menjadi penghalang kepada pihak pelabur untuk menjalankan perniagaan di negeri mereka.

"Ada kerajaan negeri menambah pelbagai syarat seperti kuota Bumiputera dan ekuiti untuk penduduk tempatan, selain daripada yang sudah ditetapkan Kerajaan Pusat.

"Syarat tambahan inilah yang menyukarkan pelabur untuk menjalankan perniagaan di sesetengah negeri. Malah, premium tanah yang terlalu tinggi cukup membuatkan pelaburan tidak menarik dan menguntungkan.

"Bagaimanapun, negeri yang mengikut nasihat kita supaya mengkaji semula syarat tambahan berjaya menarik lebih banyak pelaburan," katanya selepas merasmikan pameran fotografi oleh Dr Kamaruddin M Said di Pusat Kebudayaan Jepun, di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya kerajaan negeri mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan besar-besaran ke negeri mereka.

Perdana Menteri berkata, langkah mengenakan harga tanah yang terlalu tinggi untuk pelabur selain pelbagai syarat tambahan, hanya akan mengurangkan pelaburan dan pendapatan kepada negeri terbabit.

Rafidah berkata, setiap kali kementerian menerima aduan daripada bakal pelabur dan pelabur, kerajaan negeri akan diberitahu mengenainya supaya langkah pembetulan dapat diambil.

"Ini adalah langkah yang sentiasa diambil dari semasa ke semasa. Setiap kali kita menerima aduan, kita akan sampaikan dan meminta kerajaan negeri supaya mengkaji syarat mereka," katanya.

Mengenai masalah defisit perdagangan antara Malaysia dan Jepun, beliau berkata sebuah panel yang terdiri daripada pegawai kementerian kedua negara sudah ditubuhkan baru-baru ini bagi mencari jalan penyelesaian.

Katanya, panel itu akan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dan akan menyediakan laporan untuk perdana menteri masing-masing pada akhir tahun.

"Laporan ini akan menjadi asas kepada tindakan yang akan diambil oleh setiap kerajaan terutamanya kerajaan Jepun bagi mengurangkan defisit perdagangan itu dan kesannya," katanya.

(END)